

07 APR 1999
Kosovo-Tabung
KABINET MAHU KUTIPAN DERMA KOSOVO DISELARASKAN

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Kabinet hari ini mengarahkan Kementerian Luar dan Perbendaharaan menyiapkan kertas cadangan berhubung langkah menyelaraskan segala kutipan derma untuk membantu mangsa kekejaman di Kosovo.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa yang sedang memangku tugas Menteri Luar berkata, kertas cadangan itu yang akan menentukan cara menyalurkan kutipan tersebut, akan dibentangkan kepada kabinet minggu depan.

"Kita mahu pastikan sumbangan yang dibuat atas nama bantuan pelarian Kosovo diuruskan dengan baik dan setiap sumbangan itu benar-benar sampai melalui saluran yang betul dan sampai kepada sasaran," katanya kepada pemberita selepas menandatangani buku takziah kematian Perdana Menteri Republik Kyrgyz, Jumabek Brahimov di kedutaan tersebut di sini.

Annuar berkata, kerajaan yang sentiasa menggalakkan rakyat Malaysia membantu golongan menderita seperti etnik Albania, berpendapat segala kutipan itu patut disalurkan melalui Pertubuhan Palang Merah Antarabangsa.

Semua pihak yang sudah memulakan usaha kutipan tersebut diminta menghubungi Wisma Putra bagi menentukan kutipan mereka disalurkan dengan betul.

"Kita tidak mahu ada penyalahgunaan dan kita juga tidak mahu ada orang mengambil kesempatan," katanya.

Annuar berkata kerajaan Malaysia yang sememangnya amat bersimpati dengan nasib etnik Albania di Kosovo, akan turut menimbang untuk memberikan sumbangannya.

Beberapa badan amal, pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan media telah melancarkan kutipan derma bagi membantu etnik Albania. Hampir satu juta orang telah menjadi pelarian sejak tercetus perang di wilayah Balkan itu pada 24 Mac.

Majlis Belia Malaysia, New Straits Times Press, Utusan Malaysia dan TV3 telah melancarkan Tabung Barisan Bertindak Kosovo, manakala kerajaan negeri Sarawak pula telah menyumbangkan RM250,000 untuk disalurkan melalui Wisma Putra.

Brahimov, 56, yang baru menjadi Perdana Menteri selama tiga bulan, meninggal dunia Ahad lepas.

Annuar berkata Presiden Kyrgyz, Akaev Askar akan melawat negara ini pada Julai ini setelah diundang oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA
RV MAI